

# Kakitangan UMSKAL teruskan tradisi membantu asnaf

**UB 08.04.2024 P.03**

**LABUAN:** Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) meneruskan tradisinya membantu asnaf di Wilayah Persekutuan Labuan menerusi penganjuran Program Ziarah Ramadan 2024 pada 4 dan 5 April 2024.

Majlis pelancaran program itu disempurnakan oleh Pengarah UMSKAL, Prof. Madya Dr. Mohamad Rizal Abdul Hamid di ruang legar Bangunan Menara UMSKAL.

Turut hadir Ketua Pentadbiran UMSKAL, Zamri Mohamad Tuah dan Ketua Sektor Pentadbiran dan Sumber Manusia UMSKAL, Mas Adi Alimin serta Ketua Sektor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Nur Iman Reedzal.

Pada tahun ini, seramai 28 individu menerima wang tunai dan barang makanan sumbangan kakitangan UMSKAL sendiri.

Mereka membatikan 12 asnaf, 11 kakitangan yang memerlukan bantuan dan lima waris kakitangan yang telah meninggal dunia.

Dr. Mohamad Rizal merakamkan ucapan penghargaan kepada semua kakitangan yang menyumbang wang, barang makanan dan tenaga serta kakitangan yang menyertai aktiviti ziarah dan penyerahan sumbangan selama dua hari program itu



**LANCAR:** Dr. Mohamad Rizal (tengah) bersama Zamri (empat kanan) dan Nur Iman (tiga kanan) melancarkan Program Ziarah Ramadan UMSKAL 2024.

diadakan.

“Sudah tentu sumbangan kita kepada komuniti dan kakitangan UMSKAL sendiri merupakan satu kenangan yang sukar dilupakan,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan sumbangan kepada waris kakitangan UMSKAL yang meninggal dunia di Kampung Gersik, Pantai, Sungai Badaun, Sungai Labu dan

Sungai Miri pada Jumaat lalu.

Sementara itu, Nur Iman Reedzal selaku urus setia program berharap sumbangan itu dapat mencerikan asnaf dan kakitangan serta waris menyambut bulan Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri 2024.

“Asnaf dan waris mengucapkan terima kasih atas ingatan kakitangan UMSKAL kepada mereka.

“Semoga kita sentiasa peka dan dapat membantu golongan yang memerlukan pada bila-bila masa,” katanya.

Penyelaras Program, Mohd Nurulizam Tinggal mengetuai penyerahan sumbangan kepada golongan asnaf di Kampung Patau-Patau Satu, Patau-Patau Dua, Tanjung Aru, Lajau, Durian Tunjong, Perumahan MPL Batu Arang, Sungai Bangat, Bukit Kallam dan Belukut.